



مجلس بنداراي فتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (50)

Tarikh: 08 September 2024

PROGRAM MESRA RAKYAT ERAT KERJASAMA MBPJ DENGAN KOMUNITI SETEMPAT

Sekitar 800 orang telah hadir ke Program Mesra Rakyat Dewan Negeri Bukit Lanjan & Hari Bertemu Pelanggan sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024 anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang berlangsung di Dewan Komuniti Damansara Damai, Petaling Jaya pada hari ini.

Penganjuran program yang bermula seawal jam 7.00 pagi dimulakan dengan Merdeka Fun Walk “Bebas Dadah” adalah seiring dengan matlamat nasional Malaysia Madani yang memberi penekanan kepada keterangkuman dan kesaksamaan dalam kalangan lapisan masyarakat majmuk khususnya di Petaling Jaya melalui penganjuran aktiviti yang sihat dan bermanfaat kepada komuniti dengan penglibatan rakan strategik.

Di samping itu, Program Mesra Rakyat ini juga sebagai platform untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada komuniti setempat berkaitan inisiatif, program dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Majlis dan Kerajaan Negeri Selangor melalui aktiviti pameran yang disediakan.

Secara tidak langsung, program seumpama ini dapat menjalinkan kerjasama dan hubungan dua hala di antara pemimpin masyarakat dan penduduk setempat dengan Majlis serta sebagai salah satu sumbangan khidmat sosial MBPJ kepada komuniti.

Antara pengisian Program Mesra Rakyat kali ini ialah pemeriksaan kesihatan, pameran oleh agensi luar, kaunter perkhidmatan MBPJ, pertandingan mewarna (kategori 5-6 tahun, 7-9 tahun, dan 10-12 tahun), *street soccer 3 on 3* remaja lelaki, bola jaring *3 on 3* remaja perempuan, sukaneka, cabutan bertuah, dan lain-lain aktiviti antaranya seperti *fun games*, *sport stacking* dan *drone simulator* oleh Jabatan Belia Negeri Selangor (JBNS).



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](#)

Program ini telah dirasmikan oleh YB Puan Pua Pei Ling, ADN Bukit Lanjan. Hadir sama, En. Suriase a/l Gengiah, Ahli Majlis Zon 1, En. Chan Pak Keung, Ahli Majlis Zon 2, En. Mohd Ikhshan bin Mohamad Din, Ahli Majlis Zon 4, En. Ruddyansjah bin Mahtar Hams, Pegawai Penerangan Daerah Petaling dan En. Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, Pengarah Pembangunan Masyarakat MBPJ.

MBPJ kekal komited dalam menerajui kawasan pentadbiran Petaling Jaya ke arah Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan (PJSSR) menjelang tahun 2030 melalui kerjasama strategik yang inklusif seiring dengan matlamat Malaysia Madani.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (51)

Tarikh: 06 September 2024

TEMPOH PENUTUPAN LALUAN PEJALAN KAKI SEBAHAGIAN PADANG ASTAKA PETALING JAYA DILANJUTKAN BAGI MEMBERI LALUAN KEPADA KERJA PEMBAIKAN KECACATAN UNTUK MEMASTIKAN KESELAMATAN PENGGUNA

Petaling Merujuk kepada laporan akhbar bertajuk "City council tasks contractor to fix retaining wall at PJ's Astaka field" yang disiarkan pada 24 Julai 2024, Majlis ingin menjelaskan bahawa kerja-kerja membaik pulih cerun di Padang Astaka Lorong Utara yang sepatutnya siap pada 2 September 2024 perlu dilanjutkan tiga (3) minggu lagi.

Pada 14 Ogos lalu, pihak Majlis telah mengadakan lawatan tapak bagi proses serahan kepada Majlis dan meneliti kerja pembaikan yang telah selesai dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kerja pembaikan kecacatan yang perlu dilaksanakan oleh pihak kontraktor bagi menyelesaikan isu berbangkit yang berlaku selepas kerja selesai.

Atas dasar keselamatan awam, MBPJ mengarahkan supaya kawasan itu kekal ditutup kepada orang ramai sepanjang tempoh kerja pembaikan semula berlangsung. Tempoh kerja pembaikan kecacatan semula yang dijadualkan akan bermula pada minggu hadapan dijangka akan selesai sepenuhnya dan dibuka semula untuk kegunaan pengguna pada awal Oktober 2024.

Pada 18 Julai lalu, aduan tembok sendeng telah dibangkitkan oleh penduduk berpunca daripada kejadian pokok tumbang yang menolak sebahagian struktur Padang Astaka di Seksyen 52. Sehubungan dengan itu, Majlis telah mengarahkan pihak kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja pemulihan semula tembok yang terjejas.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



مجلس بندياري قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (52)

Tarikh: 12 September 2024

MBPJ, STA ANJUR KEJOHANAN TENIS REMAJA TERBUKA MBPJ-MILO 2024

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Persatuan Tennis Selangor (STA) akan menganjurkan Kejohanan Tennis Remaja Terbuka MBPJ-MILO 2024 pada 18 hingga 22 September 2024 bertempat di Kompleks Sukan MBPJ Kelana Jaya dan Kompleks Sukan Astaka, Petaling Jaya.

Kejohanan yang memasuki edisi ke-34 ini telah menerima penyertaan seramai 226 orang dari seluruh negeri dengan penyertaan tertinggi dicatatkan oleh Negeri Selangor iaitu seramai 90 orang peserta, diikuti dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seramai 50 orang peserta.

Persatuan Tennis Malaysia (LTAM) mengekalkan pengiktirafan kejohanan ini sebagai kejohanan bertaraf ranking remaja kebangsaan yang mana setiap pemain yang menyertai kejohanan ini layak mendapat jumlah mata (point) yang akan dimasukkan ke dalam ranking LTAM.

Sebanyak tiga acara akan dipertandingkan iaitu perseorangan, beregu remaja lelaki dan beregu remaja perempuan. Setiap acara yang dipertandingkan ini akan mengikut kategori umur iaitu 8 tahun ke bawah (mini tenis), 10 tahun ke bawah, 12 tahun ke bawah, 14 tahun ke bawah dan 16 tahun ke bawah.

Objektif penganjuran kejohanan adalah untuk mencungkil ramai bakat baharu di peringkat akar umbi menerusi program pembangunan sukan tenis remaja MBPJ yang dilaksanakan sejak tahun 1990.

Kejohanan ini turut dijayakan dengan penajaan daripada Nestle Products Sdn. Bhd. (Milo), F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd serta mendapat sokongan daripada Persatuan Lawn Tennis Malaysia (LTAM), Persatuan Tennis Selangor dan Majlis Sukan Negeri Selangor. Pemenang kejohanan akan membawa pulang trofi, medal, barangan Milo dan sijil penyertaan.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (53)

Tarikh: 21 September 2024

MBPJ RAI MAJLIS PENUTUP PROGRAM SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT PETALING JAYA 2024 DENGAN SEMANGAT PATRIOTIK

Bertemakan 'Malaysia Madani: Jiwa Merdeka', Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan mengadakan Majlis Penutup Program Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat Petaling Jaya pada 21 September 2024 bertempat di Taman Jaya. Acara penutup sambutan Bulan Kebangsaan yang bermula seawal jam 8.00 pagi ini mengetengahkan konsep kebersamaan rakyat yang terdiri daripada segenap lapisan masyarakat.

Pelbagai program dan aktiviti berunsurkan patriotik diadakan, termasuk Pertandingan Mewarna, Pertandingan Jejak Merdeka @PJ, Pertandingan Peragaan Busana Kreatif Merdeka, serta Kem Motivasi bersama Datuk Bandar Petaling Jaya.

Turut diadakan jualan *Food truck*, saringan kesihatan percuma oleh KMI Kelana Jaya Medical Centre, PJ Eco *Flea Market*, pameran dan jualan barangan *Outdoor* serta pemberian pokok herba secara percuma.

Antara kelainan acara pada kali ini ialah Perkhemahan Remaja Merdeka yang disertai oleh 40 orang pelajar berusia 13 hingga 17 tahun. Penganjuran perkhemahan selama dua hari ini adalah untuk membentuk generasi masa depan yang lebih prihatin, bertanggungjawab, berdisiplin dan mempunyai semangat cintakan negara.

Kemuncak majlis penutup diserikan dengan persembahan deklamasi sajak oleh finalis Pertandingan Deklamasi Sajak Merdeka. Seramai 12 finalis dari 4 kategori pertandingan akan bersaing untuk merebut gelaran juara.

Majlis Penutup Program Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat Petaling Jaya 2024 disempurnakan oleh YBr. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya. Turut hadir, YBr. Tuan Halimey bin Abu Bakar, Penyelaras Dun Taman Medan, Tuan Aznan bin Hj. Hassan, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya dan Ahli-ahli Majlis.

Untuk makluman, sebanyak 23 pengisian program sepanjang Bulan Kebangsaan telah diadakan oleh pihak Majlis dengan kerjasama Ahli-ahli Majlis MBPJ antaranya Pertandingan Nyanyian Patriotik, Pertandingan Hiasan Kibar Jalur Gemilang, edaran Jalur Gemilang, Mesra Rakyat DN Bukit Lanjan & Hari Bertemu Pelanggan serta Walkathon Kita Malaysia.

Besar harapan pihak Majlis dengan penganjuran acara seumpama ini akan dapat memupuk semangat cintakan negara dalam diri masyarakat serta membangkitkan kesedaran rakyat Malaysia dalam mencapai kesepaduan sosial kepada seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan bangga akan tanah air.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695





BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (54)

Tarikh: 22 September 2024

PENUTUP KEJOHANAN TENIS REMAJA TERBUKA MBPJ-MILO 2024

Petaling Jaya sekali lagi menjadi tumpuan penggemar sukan tenis apabila seramai 226 orang peserta dari seluruh negeri bersaing dalam Kejohanan Tenis Remaja Terbuka MBPJ-MILO anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Persatuan Tenis Selangor (STA).

Kejohanan yang telah berlangsung selama 5 hari mulai 18 September 2024 menyaksikan peningkatan dalam jumlah penyertaan berbanding tahun lalu dengan penyertaan tertinggi dicatatkan oleh Negeri Selangor iaitu seramai 90 orang peserta, diikuti dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seramai 50 orang peserta.

Sebanyak tiga acara dipertandingkan iaitu perseorangan, beregu remaja lelaki dan beregu remaja perempuan. Setiap acara yang dipertandingkan ini akan mengikut kategori umur iaitu 8 tahun ke bawah (mini tenis), 10 tahun ke bawah, 12 tahun ke bawah, 14 tahun ke bawah dan 16 tahun ke bawah.

Persatuan Tenis Malaysia (LTAM) mengekalkan pengiktirafan kejohanan ini sebagai kejohanan bertaraf ranking remaja kebangsaan yang mana setiap pemain yang menyertai kejohanan ini layak mendapat jumlah mata (point) yang akan dimasukkan ke dalam ranking LTAM.

Objektif penganjuran kejohanan ini adalah untuk mencungkil ramai bakat baharu di peringkat akar umbi menerusi program pembangunan sukan tenis remaja MBPJ yang dilaksanakan sejak tahun 1990.

Penganjuran kejohanan seumpama ini juga dilihat sebagai platform dalam membentuk jati diri, disiplin dan perpaduan dalam kalangan ahli dan masyarakat dalam mengeratkan silaturrahim serta memupuk budaya sihat melalui acara sukan dan rekreasi.

Majlis penutup disempurnakan oleh YBr. Tuan Aznan bin Hj. Hassan, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya. Turut berlangsung sesi penyerahan cenderahati kepada penaja kejohanan iaitu Nestle Products Sdn. Bhd. (Milo) dan F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. Pemenang kejohanan membawa pulang trofi, medal, barangan Milo dan sijil penyertaan.

Hadir sama, Y.D.M. Tengku Dato' Mohammed AlHaj bin Tengku Harun, Naib Presiden Persatuan Tenis Selangor merangkap Pengerusi Kejohanan Tenis Remaja Terbuka MBPJ-MILO.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695





BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (55)

Tarikh: 28 September 2024

MBPJ ANJUR OPERASI TEMBAK GAGAK

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan mengadakan Operasi Tembak Gagak pada 28 September 2024 (Sabtu) di **26 lokasi** sekitar Petaling Jaya pada jam 7.30 pagi hingga 7.30 malam.

Operasi yang bermula pada awal pagi ini membabitkan seramai **30 penembak** bertujuan mengurangkan populasi burung gagak yang menimbulkan kacau ganggu di kawasan pentadbiran MBPJ, sekaligus meningkatkan tahap kebersihan di bandar raya ini.

Tabiat burung gagak yang menyelongkar tong sampah telah menyebabkan pencemaran dan menimbulkan rungutan kepada orang ramai. Justeru, operasi ini merupakan inisiatif Majlis untuk mengurangkan aduan awam dan risiko kesihatan berkaitan aduan kacau ganggu burung gagak di kawasan pentadbiran MBPJ. Hal ini bertetapan dengan hasrat Majlis untuk menyediakan sebuah bandar raya yang selamat dihuni serta kondusif kepada warga penduduknya.

Mengikut rekod pada **tahun 2020 hingga 3 Julai 2024** sebanyak **174 aduan** berkaitan kacau ganggu burung gagak telah diterima oleh Majlis. Pada tahun 2020 dan 2021 (49 aduan), tahun 2022 (48 aduan) dan tahun 2023 hingga Julai 2024 sebanyak 15 aduan direkodkan.

Majlis telah melakukan pemantauan dan mengenal pasti 26 lokasi 'hotspot' yang menjadi tempat burung gagak bersarang dan membiak. **4 daripada keseluruhan lokasi** ini merupakan lokasi tumpuan aduan gagak berulang iaitu di sekitar **Seksyen 14**, sekitar **Kawasan Komersial SS 2**, sekitar **PJS** dan sekitar **Kawasan Komersial SS 23**. Kesemua kawasan ini telah mendapat kelulusan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa berwaspada, mengikut nasihat anggota penguatkuasa MBPJ dan menjaga jarak selamat di kawasan yang terlibat semasa operasi dijalankan.

Majlis Perasmian Operasi Tembak Gagak 2024 MBPJ disempurnakan oleh YBrs. Tuan Mohamad Fauzi bin Maarof, Timbalan Setiausaha Pengurusan MBPJ.

Besar harapan Majlis agar penduduk di Petaling Jaya dapat memberikan kerjasama untuk menjaga kebersihan terutamanya dari aspek pembuangan dan pengurusan sampah untuk mengelakkan populasi burung gagak kembali bertambah.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695





BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (56)

Tarikh: 28 September 2024

PESTA RENANG MBPJ KEMBALI SELEPAS EMPAT TAHUN

Pesta Renang Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) kembali semula selepas empat tahun terhenti akibat pandemik Covid-19, dengan edisi seterusnya dijadualkan akan berlangsung pada **28 September 2024** bertempat di **Kompleks Kolam Renang MBPJ, Kelana Jaya**.

Penganjuran pesta renang yang memasuki edisi ke-14 ini adalah **kerjasama MBPJ bersama Kelab Renang Stingray** dan telah mendapat sokongan yang menggalakkan dari kelab renang, sekolah, dan masyarakat di sekitar Petaling Jaya.

Seramai **397 peserta** telah mengesahkan penyertaan yang terdiri dari 23 buah kelab renang dan perenang bebas. Pesta Renang kali ini menghimpunkan peserta dari negeri Selangor, Melaka, Johor, Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sebanyak **tujuh (7) kategori** akan dipertandingkan pada edisi kali ini iaitu **Kumpulan A Lelaki dan Wanita (37 tahun & ke atas), Kumpulan B Lelaki dan Wanita (19-36 tahun), Kumpulan 1 (16-18 tahun), Kumpulan 2 (14-15 tahun), Kumpulan 3 (12-13 tahun), Kumpulan 4 (10-11 tahun) dan Kumpulan 5 (9 tahun ke bawah)** bagi acara renang **kuak lentang, kuak dada, kuak kupu-kupu dan gaya bebas**.

Pertandingan renang merupakan sebahagian acara pesta yang disertai oleh kanak-kanak dan golongan dewasa. Diharapkan dengan penganjuran pesta ini akan dapat memupuk minat mereka dalam acara renang serta memanfaatkan sukan ini sebagai medium untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan mereka.

Usaha ini selaras dengan kerangka Malaysia MADANI dan Visi Sukan negara 2030 (VSN), yang memfokuskan kepada pembangunan sukan yang lebih komprehensif dan berkualiti.

Pesta Renang ini turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik antaranya permainan 'Inflatable rock climbing', plinko, 'flip-a-chick' dan bola keranjang. Terdapat juga 'food truck' dan 22 buah gerai yang menjual pelbagai makanan, minuman dan cenderahati. Pesta ini turut dijayakan dengan penajaan daripada Persatuan Kebajikan Atlet Singa Malaysia, *UM Lion Dance Group*, Champs Vitamin, Inside Scoop, Farm Fresh, Air Mineral Semulajadi Borneo Spring dan TeezBee. Turut tidak dilupakan beberapa penajaan lain daripada Mad Wave, Plan B Physiotherapy & Training Centre, Pocky serta kerjasama Encik Ng Yih Miin, Ahli Majlis Zon 13.



Sesi perasmian Pesta Renang MBPJ 2024 akan disempurnakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, Pengarah Pembangunan Masyarakat MBPJ. Pemenang akan membawa pulang medal, sijil penyertaan dan hadiah untuk 'Top 3' perenang bagi setiap kategori.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (57)

Tarikh: 28 September 2024

MBPJ LANCAR HARI CUCI MALAYSIA 2024: PROGRAM PEMBERSIHAN MEGA SELURUH NEGARA PERINGKAT PETALING JAYA

Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) telah menetapkan tarikh 20 September setiap tahun sebagai *World Cleanup Day*. Acara global tahunan ini bertujuan menangani isu pencemaran sisa yang semakin meningkat serta meningkatkan kesedaran terhadap tindakan pembersihan awam di segenap lapisan masyarakat.

Sebagai salah satu inisiatif dalam menyambut seruan di peringkat global, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyahut pelawaan daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mengadakan program Hari Cuci Malaysia 2024: Program Pembersihan Mega Seluruh Negara Peringkat Petaling Jaya sempena *World Cleanup Day*. Inisiatif ini juga adalah seiring dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan MADANI yang berteraskan kepada kemampanan dan kesejahteraan masyarakat.

Berkonsepkan program pembersihan mega bersepadu seluruh negara dengan kerjasama 156 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia, tiga (3) rekod *The Malaysia Book of Records* akan turut dicipta dan dipecahkan iaitu bilangan penyertaan teramai serentak di seluruh negara, jumlah kutipan sisa pepejal terberat (sisa isi rumah) dan bilangan lokasi penyertaan terbanyak.

Pada tahun ini, pihak Majlis telah menerima penyertaan sebanyak **10 kawasan** yang meliputi **7 zon** Ahli Majlis MBPJ iaitu:-

- i. **Pangsapuri Tainia Seksyen 11 KD, Gugusan Tanjung Seksyen 6 KD, Gugusan Cempaka 1 dan Gerai PPRT Seksyen 8 KD (Zon 3)**
- ii. **SS 21 Damansarra Uptown (Zon 5)**
- iii. **Seksyen 3, Petaling Jaya (Zon 15)**
- iv. **Pangsapuri Taman Perangsang PJS 1 (Zon 17)**
- v. **Jalan SS 5/1, Kelana Jaya (Zon 21)**
- vi. **Taman Tasik Bandaran, Kelana Jaya (Zon 22)**
- vii. **Blok 4, 5, 6 Desa Mentari PJS 6 (Zon 24)**

Hasil daripada program pembersihan akan dikumpulkan dan di audit oleh pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, yang mana hasil kutipan akan dimasukkan ke dalam sistem *data collection* oleh pihak KPKT.



Sesi perasmian disempurnakan oleh YBrs. Tuan Aznan bin Hassan, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya. Turut hadir, Tuan Ir. Ismail bin Shafie, Timbalan Setiausaha (Pembangunan), Tuan TPr. Zain Azly bin Abdul Rahman, Pengarah Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan Encik Farhan Shah bin Ridzuan, Ahli Majlis Zon 24.

Untuk makluman, program ini telah mula dijalankan di kawasan Petaling Jaya sejak tahun 2018 dan dijadikan sebagai program tahunan Majlis. Tahun lalu, sebanyak 8 buah kawasan telah menyertai program ini dan sebanyak 874 kilogram sampah berjaya dikutip.

Diharapkan melalui penganjuran program seumpama ini dapat melahirkan generasi yang cintakan alam sekitar sekaligus memelihara Malaysia agar sentiasa bersih, hijau, indah dan mampan.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695